

Poly's Voice tingkat kemahiran insaniah pelajar politeknik

UTUSAN M'sIA

20 SEPTEMBER '17

SHAH ALAM 19 Sept. - Penganjur program pencarian bakat pengacaraan membabitkan pelajar politeknik di seluruh negara atau Poly's Voice 2017 diyakini mampu meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar institusi berkenaan.

Demikian harapan yang dinyatakan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ismail Abd Aziz apabila beliau menyifatkan program tersebut dapat mencungkil bakat serta melatih para mahasiswa politeknik menyiapkan diri mereka untuk menghadapi alam sebenar dunia pekerjaan.

Malah, program Poly's Voice 2017 itu turut membuka permikiran para mahasiswa untuk memiliki keyakinan diri, berani, tidak putus asa dan sentiasa positif.

“Seramai 32 pelajar dari 30 politeknik dari seluruh negara menyertai program yang julung-julung kali diadakan ini. Kita harap ia dapat melahirkan pelajar yang lebih proaktif dan progresif.



PELAJAR Politeknik Mukah, Sarawak, Michelle Francis Minggu (tiga dari kiri) menunjukkan piala dimenangnya selepas dimobatkan pemenang Poly's Voice 2017 di Politeknik Sultán Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, kelmarin.

“Poly's Voice 2017 menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepimpinan, etika, komunikasi, penamplian diri, kreativiti, inovasi dan kewahanaan sekali gus menjadikan mereka memenuhi tuntutan pasaran kerja,” katanya dalam

ucapan sempena majlis penutup Poly's Voice 2017 di Politeknik Sultán Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini semalam. Hadir sama ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Wan Zulkifly

Wan Zakaria dan Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid. Mengulas lanjut, Mohd. Ismail memberitahu, proses pendidikan merupakan satu aspek yang sangat dinamik dan sentiasa mengalami evolusi serta transformasi selari dengan perkembangan semasa.

